



JEMPUTAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PERKHIDMATAN BAS PERGI DAN BALIK UNTUK MAHASISWA DAN MAHASISWI IPTA DAN IPTS YANG BERDAFTAR SEBAGAI PEMILIH DI KELANTAN MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB DALAM PILIHAN RAYA 12 OGOS 2023

1. Susulan Kenyataan Media Pejabat Menteri Besar Kelantan pada 17 Zulhijjah 1444 bersamaan dengan 06 Julai 2023 yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan bas pergi dan balik, bagi membantu mahasiswa dan mahasiswi yang didaftarkan sebagai pemilih di negeri Kelantan menunaikan tanggungjawab memilih dalam pilihan raya yang telah dijadualkan pada 12 Ogos 2023 nanti, adalah dengan ini dipersilakan kepada semua mahasiswa dan mahasiswi IPTA dan IPTS seluruh Malaysia yang berkenaan mengisi borang permohonan melalui Google Form di bawah dengan memilih tarikh - tarikh perjalanan ke Kelantan sama ada **6,7,8,9,10** atau **11 Ogos 2023** dan tarikh kembali ke destinasi asal pada **13, 14, 15, 16, 17** atau **18 Ogos 2023**.

PERMOHONAN PERJALANAN KE KELANTAN PADA 6 -11 OGOS 2023 (TARIKH TUTUP 17 JULAI 2023)	PERMOHONAN PERJALANAN BALIK KE DESTINASI ASAL PADA 13 – 18 OGOS 2023 (TARIKH TUTUP 17 JULAI 2023)
Sila isi Google Form di bawah yang dibuka sehingga 17 Julai 2023 untuk pelajar yang berdaftar sebagai pemilih di Kelantan sahaja	Sila isi Google Form di bawah yang dibuka sehingga 17 Julai 2023 untuk pelajar yang berdaftar sebagai pemilih di Kelantan sahaja
	
https://forms.gle/25HyBY7fXjbEBX696	https://forms.gle/WyN4Jfmj6htsX3Ct9

2. Kelulusan permohonan ini adalah berdasarkan kepada siapa cepat dia dapat sehingga ke had bilangan 15,000 orang terawal sahaja atau jumlah tambang mencapai had siling yang telah ditetapkan yang mana terlebih terdahulu. Bagi mahasiswa dan mahasiswi IPTA dan IPTS di Sabah dan Sarawak, perkhidmatan pengangkutan bas hanya akan disediakan bermula dari Kuala Lumpur sahaja.
3. Sukacita juga dimaklumkan bahawa bilangan penumpang bas mengikut hari adalah sebagaimana jadual di bawah. Sekiranya jumlah penumpang harian telah mencapai jumlah limit maksima, pihak urus setia berhak menentukan tarikh lain selain daripada yang dimohon oleh mahasiswa dan mahasiswi berkenaan.

JUMLAH MAKSIMA PERJALANAN KE KELANTAN PADA 6 -11 OGOS 2023			JUMLAH MAKSIMA PERJALANAN BALIK KE DESTINASI ASAL PADA 13 – 18 OGOS 2023		
BIL	TARIKH PERJALANAN	JUMLAH PENUMPANG	BIL	TARIKH PERJALANAN	JUMLAH PENUMPANG
1	06 Ogos 2023	2,500 orang	1	13 Ogos 2023	2,500 orang
2	07 Ogos 2023	2,500 orang	2	14 Ogos 2023	2,500 orang
3	08 Ogos 2023	2,500 orang	3	15 Ogos 2023	2,500 orang
4	09 Ogos 2023	2,500 orang	4	16 Ogos 2023	2,500 orang
5	10 Ogos 2023	2,500 orang	5	17 Ogos 2023	2,500 orang
6	11 Ogos 2023	2,500 orang	6	18 Ogos 2023	2,500 orang
JUMLAH		15,000 orang	JUMLAH		15,000 orang

4. Senarai pemohon yang berjaya akan dipamerkan di laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri Kelantan <https://www.kelantan.gov.my/> bermula pada **27 Julai 2023**. Semua pemohon yang berjaya adalah bertanggung jawab untuk mengambil tiket-tiket bas sebagaimana cara yang akan ditentukan di dalam laman sesawang berkenaan. Tiket-tiket bas hanya akan diberikan secara percuma kepada pemohon berjaya yang dapat mengemukakan dokumen asal kad

pengenalan berstatus warganegara (warna biru), kad pelajar sebagai bukti pelajar IPTA dan IPTS dan dokumen pengesahan sebagai pemilih Kelantan yang boleh disemak melalui laman sesawang Suruhanjaya Pilihan Raya di <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/daftarPemilih>

5. Pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan pada waktu pejabat di talian telefon 09-7481180.

Sekian, terima kasih.

**PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN,
PEJABAT SUK KELANTAN**

Bertarikh pada 22 Zulhijjah 1444 bersamaan dengan 11 Julai 2023